



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

JANUARI 2019

January 2019




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENURUN SEBANYAK 0.1 PERATUS
TAHUN-KE-TAHUN PADA BULAN JANUARI 2019**

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Januari 2019 menurun sebanyak 0.1 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Januari 2018. Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus. Manakala, harga Bukan Makanan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.02 peratus.
2. Penurunan IHP sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh penurunan harga dan kos Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.6 peratus); Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (0.7 peratus); dan Makanan dan Minuman Ringan (0.5 peratus). Walau bagaimanapun, ianya diimbangi oleh peningkatan harga dan kos Kesihatan (2.7 peratus); Rekreasi dan Kebudayaan (1.1 peratus); dan Pengangkutan (0.7 peratus).
3. Harga dan kos Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah menurun berikutan penurunan harga dan kos barangan perabot dan perhiasan serta peralatan rumah. Manakala, penurunan harga dan kos Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain mengambilkira harga rendah sewa rumah serta bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kediaman. Penurunan harga Makanan dan Minuman Ringan pula adalah disebabkan oleh penurunan harga sayur-sayur segar, telur dan ayam.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi Januari 2019 menurun sebanyak 0.3 peratus berbanding dengan bulan Disember 2018. Indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.1 peratus manakala Indeks Bukan Makanan menurun sebanyak 0.4 peratus.
5. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Januari 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE: www.depd.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks	Perubahan (%)	
		Jan 2019	Jan 2019 / Jan 2018	Jan 2019 / Dis 2018
INDEKS KESELURUHAN	100.0	98.8	-0.1	-0.3
Makanan dan Minuman Ringan	19.1	101.6	-0.5	0.1
Pakaian dan Kasut	4.2	83.6	0.7	-0.2
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	11.1	96.1	-0.7	-
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11.0	93.3	-1.6	-0.04
Kesihatan	1.3	102.3	2.7	0.2
Pengangkutan	18.8	97.7	0.7	-1.3
Perhubungan	6.0	100.1	-0.2	-0.005
Rekreasi dan Kebudayaan	9.1	100.8	1.1	-0.7
Pendidikan	3.9	110.8	-	-
Restoran dan Hotel	8.9	103.3	0.4	0.01
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	6.5	100.0	-0.9	0.4





MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) DECREASED BY 0.1 PER CENT YEAR-ON-YEAR
IN JANUARY 2019**

1. *The Consumer Price Index (CPI) in January 2019 decreased by 0.1 per cent year-on-year compared to January 2018. Prices of Food and Non-Alcoholic Beverages decreased by 0.5 per cent. Meanwhile, Non-Food prices increased by 0.02 per cent.*
2. *The CPI decrease was largely attributed to decreases in the prices and costs of Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (1.6 per cent); Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (0.7 per cent); and Food and Non-Alcoholic Beverages (0.5 per cent). However, this was moderated by increases in prices and costs of Health (2.7 per cent); Recreation and Culture (1.1 per cent); and Transport (0.7 per cent).*
3. *Prices and costs of Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance decreased following the fall in prices and costs of furniture and furnishings as well as household appliances. Meanwhile, the decrease in the price and cost of Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels was attributed to low rental prices for housing as well as materials for the maintenance and repair of the dwelling. The decrease in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages was due to a decrease in prices of fresh vegetables, eggs and chicken.*
4. *On a month-on-month basis, the CPI decreased by 0.3 per cent compared to December 2018. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index increased by 0.1 per cent while the Non-Food Index decreased by 0.4 per cent.*
5. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for January 2019 is available from DEPD's website: www.depd.gov.bn.*

CONSUMER PRICE INDEX (2010 = 100)

Divisions	Weights (%)	Index	Changes (%)	
		Jan 2019	Jan 2019 / Jan 2018	Jan 2019 / Dec 2018
OVERALL INDEX	100.0	98.8	-0.1	-0.3
Food and Non-Alcoholic Beverages	19.1	101.6	-0.5	0.1
Clothing and Footwear	4.2	83.6	0.7	-0.2
Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels	11.1	96.1	-0.7	-
Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance	11.0	93.3	-1.6	-0.04
Health	1.3	102.3	2.7	0.2
Transport	18.8	97.7	0.7	-1.3
Communication	6.0	100.1	-0.2	-0.005
Recreation and Culture	9.1	100.8	1.1	-0.7
Education	3.9	110.8	-	-
Restaurants and Hotels	8.9	103.3	0.4	0.01
Miscellaneous Goods and Services	6.5	100.0	-0.9	0.4

Yearly Changes in Price For January 2018 Until January 2019

